

08/07/2002

Dr M tetap kunjungi Langkawi selepas bersara

LANGKAWI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin sumpah Mahsuri tidak akan berulang, sebaliknya Langkawi akan terus maju walaupun selepas persaraannya Oktober tahun depan.

Sambil menyifatkan Langkawi sebagai satu tempat yang istimewa, Perdana Menteri berkata, beliau akan tetap kembali ke Langkawi selepas bersara mulai 15 bulan 23 hari dari sekarang.

Mengikut mitos, Mahsuri sebelum dihukum bunuh angkara fitnah, pernah bersumpah yang bumi Langkawi akan menjadi padang jarak padang tekukur untuk tujuh keturunan selepas kematiannya.

"Saya bersyukur melihat penduduk Langkawi semakin lama semakin mewah (dan) semakin bahagia kehidupannya. Insya-Allah walaupun saya akan berhenti 15 bulan 23 hari lagi, saya akan datang ke Langkawi, tak akan lupa dengan Langkawi.

"Kerana kata doktor, bila saya mai Langkawi, darah tinggi saya pun turun rendah. Jadi, inilah ubat yang mustajab sekali," katanya pada majlis menyambut ketibaannya di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LTAL), Padang Matsirat di sini, hari ini.

Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba di LTAL pada jam 11.20 pagi ini selepas melakukan lawatan kerja dua hari ke Bangkok.

Ketibaan Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah disambut Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain; Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian merangkap Ahli Parlimen Langkawi, Datuk Abu Bakar Taib, Ahli Dewan Undangan Negeri Kuah, Tan Sri Sanusi Junid, pegawai kanan kerajaan, pemimpin Umno dan Barisan Nasional (BN) serta pengusaha sektor swasta di sini.

Sebaik menuruni tangga pesawat, Dr Mahathir dan isteri dibawa menaiki beca roda tiga menuju ke pentas sambil diiringi lagu dendangan Allahyarham Tan Sri P Ramlee, 'Di Mana Kan Kucari Ganti'.

Pelbagai sepanduk turut direntangkan bagi menunjukkan sokongan terhadap kepemimpinan Perdana Menteri yang dianggap arkitek utama dalam memacu pembangunan Langkawi.

Antaranya bertulis 'Jasa dan Pengorbananmu Sentiasa Dikenang', 'Jangan Tinggal Kami', 'We Love You Dr Mahathir', 'Still Need You' dan 'Selamat Datang Perwira Negara'.

Ini adalah lawatan pertama Dr Mahathir ke pulau peranginan ini sejak beliau mengumumkan peletakan jawatan dalam parti dan kerajaan pada Perhimpunan Agung Umno, 22 Jun lalu.

Dr Mahathir berkata, beliau sedih bercampur gembira kerana tidak menduga disambut meriah penduduk tempatan walaupun hanya singgah beberapa jam di Langkawi sebelum kembali ke Kuala Lumpur petang ini.

Katanya, beliau gembira mendapati Langkawi pesat membangun berbanding pada 1956 ketika beliau ditukarkan ke Langkawi sebagai pegawai perubatan dan melihat Langkawi begitu mundur.

"Saya dapati Langkawi adalah tempat yang istimewa bagi saya untuk berehat dan juga untuk bekerja. Saya seronok tengok pembangunan yang pesat di Langkawi.

"Pada 1956, sebelum saya kahwinlah, bila beritahu kepada pegawai perubatan, saya nak kahwin, dengan doktor juga, dia cepat-cepat hantar saya ke Langkawi, kerana di Langkawi pada masa itu ada satu saja doktor.

"Jadi, kalau dah kahwin payah nak hantar saya ke sini. Dengan itu, saya

dapatlah berkhidmat di Langkawi selama enam bulan dan melihat keindahan Langkawi," katanya.

Ketika itu, katanya, beliau tidak terfikir boleh memainkan apa-apa peranan dalam pembangunan di Langkawi, tetapi dengan izin Allah, beliau dipilih menjadi wakil rakyat dan akhirnya menjadi Perdana Menteri.

Beliau berkata, sebagai Perdana Menteri, beliau boleh membuat keputusan dan antara keputusan yang disifatkan paling bermakna ialah membangunkan Langkawi untuk faedah penduduk Langkawi.

Dr Mahathir berkata, beliau mahu semua projek pembangunan di Langkawi berjalan lancar termasuk pembinaan kereta kabel di Oriental Village, Teluk Burau.

"Saya singgah di sini, nak tengok apa yang Peter (perunding projek kereta kabel, Dr Peter Wyss) buat dengan kereta kabel, harap dah siap. Kalau tak siap, kita di sini senang saja, siapa buat kerja tak habis cukup masa, kita bagi berdiri di situ, kita tembak," katanya bergurau.

Bagaimanapun, beliau yakin semua penduduk Langkawi akan berusaha memajukan Langkawi.

Beliau kemudian meluangkan masa melawat tapak projek berkenaan dan sebelum mengakhiri lawatan singkat ke pulau ini, Dr Mahathir turut meninjau projek Harbour Park Langkawi di Pantai Kok dan mendengar taklimat ringkas daripada pelayar negara, Datuk Azhar Mansor yang menjadi antara jururunding projek itu.

Projek berkonsepkan Mediterranean itu menggabungkan pembinaan marina, hotel, kawasan perumahan dan boleh menempatkan lebih 100 kapal layar pada satu-satu masa.